

Faedah-Faedah Menyertai Badan Beruniform

Pilih perkataan yang sesuai untuk melengkapkan karangan ini.

Aktiviti kokurikulum 1. sebagai gerak kerja di luar bilik darjah untuk membantu pelajar meningkatkan kualiti dalam bidang kurikulum. Setiap pelajar wajib melibatkan diri dalam 2. kokurikulum yang melibatkan tiga bidang, iaitu badan beruniform, kelab atau persatuan, serta sukan. Persoalannya, apakah faedah penyertaan pelajar dalam badan beruniform di sekolah?

Penyertaan dalam badan beruniform dapat membina 3. mental dan fizikal. Hal ini demikian kerana semasa melakukan aktiviti badan beruniform kita akan diminta melakukan pelbagai aktiviti lasak seperti 4. khemah, memasak, membersihkan kawasan, aktiviti fizikal, dan sebagainya. Selain kekuatan fizikal, aktiviti badan beruniform memerlukan kita bersabar dan 5. setiap arahan. Kepatuhan dan kesabaran inilah yang akan membentuk ketahanan mental kita. Ketahanan fizikal dan ketahanan mental dapat membantu kita menghadapi pelbagai 6. pada masa depan.

Seterusnya, penyertaan dalam aktiviti badan beruniform dapat 7. semangat kerjasama dan disiplin. Semangat kerjasama dan disiplin ini 8. melalui aktiviti secara berkumpulan. Contoh terbaik untuk 9. hal ini ialah aktiviti kawad kaki. Ketika berkawad, kita mestilah bersatu hati dan sentiasa fokus pada setiap arahan yang diberikan oleh ketua kumpulan. Aktiviti badan beruniform juga memupuk

diri kita agar berdisiplin terutamanya yang berkaitan dengan 10.

menepati masa yang menjadi asas 11.

disiplin diri.

Selain itu, ahli badan beruniform akan memperoleh pengetahuan asas tentang bantuan

kecemasan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui 12.

yang

dimiliki oleh ahli badan beruniform seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan St. John

Ambulans. Mereka dilatih untuk 13.

mangsa apabila ditimpa

sesuatu musibah. Pengalaman yang dilalui semasa melakukan aktiviti-aktiviti tersebut dapat

dijadikan 14.

dan dimanfaatkan pada masa akan datang.

Kesimpulannya, penglibatan dalam aktiviti badan beruniform banyak 15.

manfaat kepada kita. Justeru, kutiplah pengalaman sebanyak yang boleh kerana pengalaman

yang ditimpa pada hari ini akan mendatangkan manfaat yang besar pada masa akan datang.